BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 08/18/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 17 Ogos 2018

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2018

Gangguan bekalan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana pada 4.5% pada suku kedua 2018

Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara berikutan pengembangan kukuh dalam penggunaan dan pelaburan swasta pada suku tersebut. Dari segi penawaran, pertumbuhan telah terjejas oleh kejutan berkaitan komoditi. Sektor perlombongan merosot disebabkan terutamanya oleh gangguan bekalan yang tidak dijangka, manakala sektor pertanian mengalami kekangan pengeluaran dan keadaan cuaca yang buruk. Namun, sektor-sektor ekonomi utama, khususnya sektor perkhidmatan dan perkilangan, terus menyokong pertumbuhan. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 0.3% (S1 2018: 1.4%).

Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.3% pada suku kedua 2018 (S1 2018: 1.8%), mencerminkan terutamanya kesan daripada pelaksanaan kadar GST sifar. Walau bagaimanapun, impak pelaksanaan GST sifar ini telah diimbangi oleh inflasi pengangkutan yang lebih tinggi. Namun, langkah menetapkan harga runcit petrol RON95 sejak 22 Mac 2018 telah membantu membendung inflasi bahan api daripada terus meningkat pada suku tersebut.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada masa hadapan

Pertumbuhan dijangka mampan, disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Keadaan pasaran pekerja yang positif dan pengembangan kapasiti pengeluaran masing-masing akan terus menyokong penggunaan swasta dan

pelaburan yang teguh. Meskipun inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana, namun takat penurunannya akan bergantung pada kesan pindahan berikutan perubahan dasar cukai penggunaan. Inflasi asas, yang tidak mengambil kira kesan perubahan dasar cukai penggunaan, dijangka kekal stabil secara relatif pada suku-suku akan datang melalui sokongan perbelanjaan sektor swasta yang mampan. Asas-asas makroekonomi Malaysia terus teguh lantas menyediakan penampan yang diperlukan untuk menguruskan secara berkesan kemungkinan kejutan terhadap ekonomi.

Bank Negara Malaysia (Bank) juga ingin memaparkan dua artikel. Pertama – `Perbezaan antara Prestasi Ekonomi dengan Sentimen Orang Ramai' – menilai perbezaan antara prestasi ekonomi yang kukuh dengan pandangan segelintir rakyat Malaysia yang kurang optimistik mengenai prestasi tersebut. Kedua – `Mentransformasikan Telefon Mudah Alih Menjadi E-Dompet di Malaysia' – menghuraikan pencapaian Bank dalam usaha mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran. Tumpuan artikel ini adalah pada perkembangan utama yang berkaitan dengan pembayaran mudah alih dan potensinya untuk mengubah landskap pembayaran di Malaysia.

Bank Negara Malaysia
17 Ogos 2018

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	5.7	6.7	4.1	5.6	4.9
Sektor Swasta	*71.1*	7.2	7.7	5.2	7.5	6.4
Penggunaan	*53.7*	*7.1*	*6.9*	*6.9*	*8.0*	*7.4*
Pelaburan	*17.4*	*7.4*	*10.0*	*0.5*	*6.1*	*3.4*
Sektor Awam	*21.0*	0.2	2.9	-0.1	-1.4	-0.7
Penggunaan	*13.0*	*3.3*	*5.3*	*0.4*	*3.1*	*1.8*
Pelaburan	*8.0*	*-5.0*	*-0.9*	*-1.0*	*-9.8*	*-5.2*
Eksport Bersih	7.7	1.9	-6.9	62.4	1.7	29.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.8*	*9.4*	*9.6*	*3.7*	*2.0*	*2.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*10.4*	*11.7*	*-2.0*	*2.1*	*0.0*
KDNK	**100.0**	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**-**	**1.4**	**0.3**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
Perkhidmatan	54.5	6.3	6.1	6.5	6.5	6.5
Perkilangan	23.0	6.0	5.8	5.3	4.9	5.1
Perlombongan	8.4	0.1	0.7	0.1	-2.2	-1.0
Pertanian	8.2	5.9	7.1	2.8	-2.5	0.1
Pembinaan	4.6	8.3	7.4	4.9	4.7	4.8
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia